

NO. SOALAN: 477

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi mencapai sasaran Kementerian mentransformasikan sebanyak 5,000 buah kedai runcit menjelang tahun 2020 melalui Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui NKEA Pemborongan dan Peruncitan dilaksana bagi membangun dan mentransformasikan kedai-kedai runcit tradisional kepada bentuk peniagaan runcit yang lebih moden dan berteknologi baru. Melalui program ini, Kerajaan mensasarkan untuk membantu peruncit tempatan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan mereka kepada pelanggan melalui peningkatan kecekapan pengurusan inventori, pelabelan serta pengurusan kewangan dan susun atur kedai yang lebih efisien. Sehingga 31 Mac 2017, sebanyak 2,367 buah kedai runcit telah pun menyertai program ini di seluruh negara.

Usaha Kerajaan bagi mencapai sasaran program ini ialah dengan menawarkan kemudahan menjalani kursus bimbingan mengenai asas pengurusan perniagaan kepada peserta sebelum pinjaman diberikan untuk memastikan peruncit yang membuat pinjaman bagi program ini dilengkapi dengan pengetahuan perniagaan yang praktikal dan komprehensif. Nilai siling pinjaman oleh peserta juga akan dinaikkan sehingga RM200,000 berbanding RM80,000 sebelumnya. Usaha-usaha ini dijangka dapat menarik minat peruncit untuk menyertai program dan akan diteruskan sehingga dapat mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu pemodenan 5,000 buah kedai runcit menjelang tahun 2020.